



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMoe)
www.ijmoe.com



**PENGINTEGRASIAN SENI VISUAL DI DALAM PENGAJARAN
PERLEMBAGAAN NEGARA MELALUI KURSUS JATI DIRI
KEBANGSAAN**

*INTEGRATING VISUAL ARTS IN TEACHING THE FEDERAL CONSTITUTION
THROUGH NATIONAL IDENTITY DEVELOPMENT COURSE*

Norfiza Apfandi^{1*}, Nor Syamilah Md Zin², Siti Aishah Hassan³

¹ Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: norfizaza@ukm.edu.my

² Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: norsyamilahmdzin@ukm.edu.my

³ Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: s.aishah@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 16.06.2025

Revised date: 08.07.2025

Accepted date: 24.08.2025

Published date: 01.10.2025

To cite this document:

Apfandi, N., Md Zin. N. S., & Hassan, S. A., (2025). Pengintegrasian Seni Visual Di Dalam Pengajaran Perlembagaan Negara Melalui Kursus Jati Diri Kebangsaan. *International Journal of Modern Education*, 7 (27), 98-117.

DOI: 10.35631/IJMoe.727007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Cabaran arus globalisasi kini mendorong Malaysia mengambil inisiatif penting iaitu mewujudkan masyarakat yang mempunyai nilai jati diri yang tinggi terutamanya dalam kalangan golongan belia. Dalam konteks pendidikan, seni bukan hanya dilihat sebagai satu bentuk ekspresi kreatif tetapi juga sebagai alat untuk membangunkan pemikiran kritikal, kemahiran sosial, dan kecerdasan emosi pelajar. Oleh itu, pengintegrasian seni visual dalam pengajaran Perlembagaan Negara melalui kursus Jati Diri Kebangsaan dalam kalangan pelajar universiti adalah bertujuan untuk mewujudkan kaedah pembelajaran yang lebih menarik, efektif dan boleh meningkatkan kefahaman pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka bagaimanakah pengintegrasian seni visual khususnya seni lukisan boleh dilakukan dalam pengajaran topik Perlembagaan Negara melalui kursus Jati Diri Kebangsaan dan impaknya kepada pemahaman pelajar. Seterusnya, apakah cabaran dan potensi yang boleh diketengahkan pada masa hadapan melalui pengintegrasian seni visual ini dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Jati Diri Kebangsaan. Reka bentuk kajian kualitatif ini berdasarkan metodologi 'Penyelidikan Berasaskan Seni' dengan membuat tinjauan terhadap 13 orang responden dalam kalangan pelajar Asasipintar Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia berumur 17 hingga 19 tahun. Analisis dokumen dilakukan terhadap data yang diperolehi melalui rancangan pengajaran, pemerhatian dan temu bual secara terbuka. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengintegrasian seni visual dalam

pengajaran topik Perlembagaan Negara melalui kursus Jati Diri Kebangsaan boleh dilakukan melalui persediaan penyelidik dan mempunyai impak terhadap kefahaman pelajar tentang Perlembagaan Persekutuan dan nilai-nilai jati diri kebangsaan. Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat cabaran dan potensi yang dihadapi oleh pelajar dalam melaksanakan pembelajaran menggunakan seni visual dalam kursus Jati Diri Kebangsaan.

Kata Kunci:

Pedagogi, Seni Visual, Perlembagaan Negara, Jati Diri Kebangsaan

Abstract:

The current challenges of globalization have prompted Malaysia to take important initiatives, namely the development of a society with strong values of national identity, especially among the youth. In the context of education, art is not only seen as a form of creative expression but also as a tool to develop students' critical thinking, social skills, and emotional intelligence. Therefore, the integration of visual arts in the teaching of the Federal Constitution through the National Identity course among university students aims to create a more engaging and effective learning method that can enhance students' understanding. Hence, this study aims to explore how the integration of visual arts, particularly drawing, can be implemented in teaching the topic of the Federal Constitution through the National Identity course and its impact on students' understanding. Furthermore, it seeks to identify the challenges and potentials that can be highlighted in the future through the integration of visual arts in the teaching and learning of the National Identity course. This survey-based study involved 13 respondents among the students of ASASipinter International, Universiti Kebangsaan Malaysia aged between 17 and 19 years. Document analysis was conducted using data obtained from teaching plans, observations and open interviews. The findings of this study show that the integration of visual arts in teaching the Federal Constitution's topic through the National Identity course can be carried out through the preparation of the researcher and has an impact on students' understanding of the Federal Constitution and the values of national identity. Finally, the findings also indicate that there are challenges and potentials faced by students in implementing learning through visual arts in the National Identity course.

Keywords:

Pedagogy, Visual Arts, Federal Constitution, National Identity

Pengenalan

Malaysia sedang mendepani arus globalisasi kini dengan pelbagai inisiatif ke arah peningkatan pembangunan Malaysia. Antara inisiatif pentingnya adalah usaha mewujudkan masyarakat yang setia dan bersatu padu dengan penerapan nilai-nilai kewarganegaraan dan jati diri yang tinggi. Menurut Zamri Mahamod (2017), jati diri adalah harga diri yang menggambarkan watak peribadi setiap bangsa mahupun suku kaum. Dalam kajian Syaidatun Nadzirah, Kamilah Wati & Naimatul Apidah (2024), kemegahan terhadap bangsa sendiri wujud apabila adanya semangat cintakan tanah air dan ianya merangkumi kefahaman terhadap bahasa, budaya, sosial, politik dan ekonomi. Keteguhan jati diri rakyat yang sayang dan cinta kepada negara pula wujud apabila kefahaman terhadap undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan

Persekutuan. Namun demikian, penerapan jati diri ini bukanlah satu proses yang mudah kerana ia adalah proses untuk memantapkan keyakinan masyarakat terhadap sistem kepercayaan yang dianuti masyarakat kerana apabila setiap anggota masyarakat berpegang teguh pada ajaran agama, maka mereka tidak akan melakukan perkara yang tidak baik.

Dalam konteks pendidikan, seni bukan hanya dilihat sebagai satu bentuk ekspresi kreatif tetapi juga sebagai alat untuk membangunkan pemikiran kritikal, kemahiran sosial, dan kecerdasan emosi pelajar. Menurut Mohd Jamel Ismail (2017), pendidikan seni visual dan seni muzik adalah bidang-bidang yang mempunyai konsep irama, warna, lukisan dan ruang yang boleh di zahirkan melalui pelbagai aktiviti seperti penerokaan, pengalaman dan ekspresi. Seni dalam pendidikan mempunyai pelbagai bentuk ekspresi kreatif dan boleh digunakan juga sebagai suatu alat untuk meningkatkan perkembangan individu dari segi intelektual, sosial, dan emosi.

Justeru, terdapat masalah kajian yang wujudnya pada kajian-kajian lepas iaitu tidak ada satu kaedah yang jelas untuk menunjukkan bagaimanakah pengintegrasian seni visual khususnya lukisan di lakukan dalam pembelajaran kursus Jati Diri Kebangsaan. Penglibatan pelajar dan keberkesanan kaedah pengajaran ini juga tidak dikaji dengan lebih mendalam dalam konteks pengajaran kursus Jati Diri Kebangsaan. Apabila ini berlaku, akan menyebabkan impak dan potensi pengintegrasian seni visual ini tidak ditonjolkan secara optimal. Ini turut sama akan memberi kesan kepada minat dan potensi pelajar dalam mempelajari kursus jati diri kebangsaan ini.

Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka bagaimanakah pengintegrasian seni visual khususnya lukisan boleh dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Jati Diri Kebangsaan serta impaknya kepada pemahaman pelajar. Seterusnya, apakah potensi dan cabaran yang boleh diketengahkan pada masa hadapan melalui pengintegrasian seni visual ini dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Jati Diri Kebangsaan. Terdapat 3 Objektif Kajian ini iaitu untuk:

1. Mengenalpasti bagaimanakah seni visual khususnya lukisan boleh diintegrasikan dalam pengajaran topik Perlembagaan Persekutuan melalui kursus Jati Diri Kebangsaan di Pusat PERMATA@Pintar Negara.
2. Menganalisis impak pengintegrasian seni visual terhadap kefahaman pelajar terhadap topik Perlembagaan Persekutuan melalui pembelajaran kursus Jati Diri Kebangsaan di Pusat PERMATA@Pintar Negara.
3. Meneroka potensi yang diperolehi oleh pelajar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan seni visual khususnya lukisan dalam kursus Jati Diri Kebangsaan di Pusat PERMATA@Pintar Negara.

Bagi menjawab Objektif Kajian tersebut, penyelidik akan mengemukakan beberapa soalan kajian yang akan diterokai dalam penyelidikan ini:

a) Soalan Kajian bagi Objektif Kajian 1:

- i. Apakah lukisan yang dilukis sesuai untuk menggambarkan topik yang dipelajari?
- ii. Apakah lukisan yang dilukis menonjolkan ekspresi perasaan anda yang berkaitan dengan topik yang dipelajari?

b) Soalan Kajian bagi Objektif Kajian 2:

- i. Apakah perasaan anda selepas melukis lukisan yang berkaitan dengan topik yang dipelajari?
- ii. Bagaimanakah lukisan itu menggambarkan kefahaman anda semasa mempelajari topik yang dipelajari?

c) Soalan Kajian bagi Objektif Kajian 3:

- i. Apakah ekspresi diri yang anda perolehi selepas menjalankan aktiviti melukis lukisan tersebut?
- ii. Apakah anda mahu meneruskan aktiviti seni lukisan ini pada topik pembelajaran yang seterusnya?

Ulasan Literatur

Dalam konteks pendidikan, kreativiti para pelajar dapat ditonjolkan melalui ekspresi perasaan, idea dan pandangan dunia mereka semasa belajar terutamanya sesuatu ilmu yang baru. Ia boleh dilakukan melalui penyesuaian kaedah seni dalam pendidikan. Menurut Siti Hawa & Faridah (2020), pendidikan seni visual mempunyai unsur seni iaitu menggambar, membentuk dan membuat binaan, membuat corak dan rekaan serta mengenal kraf tradisional. Justeru, pelajar berpeluang untuk menterjemahkan pengalaman hidup mereka melalui seni kreatif seperti lukisan. Sementara itu, Bileron Buruntong dan Salbiah Kindoyup (2024) dalam kajian mereka melihat kepada kesan integrasi seni visual dalam pendekatan STEAM menegaskan bahawa pendekatan kaedah ini memberi impak positif terhadap kemahiran aras tinggi (KBAT) dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid sekolah menengah. Murid-murid dikatakan lebih memahami dan menguasai konsep-konsep yang dipelajari dan mencipta karya seni yang berkaitan dengan konsep STEAM. Data kajian yang dikumpul memperlihatkan aktiviti penghasilan karya seni visual berpotensi sebagai alat sokongan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyokong kepada kemenjadian murid. Buktinya, kaedah ini berupaya memperlihatkan elemen komunikasi dalam kemahiran abad ke-21 (PAK21) apabila murid meneroka potensi diri mereka dan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran yang seterusnya mencetuskan interaksi yang dinamik.

Pengintegrasian seni visual dalam pendidikan telah berkembang melalui beberapa model. Dalam Model Integrasi Subjek, ia menggabungkan seni visual dengan pelbagai mata pelajaran dalam kurikulum. Menurut Poonam Srivastava (2023), ia menerangkan bagaimana seni visual dapat digunakan untuk memperkaya pengalaman pembelajaran dalam subjek kurikulum yang lain seperti Matematik, Sains, dan bahasa. Sebagai contoh, pelajar dapat menggunakan seni visual untuk menggambarkan formula matematik atau meneroka peristiwa sejarah melalui lukisan. Namun demikian, kurangnya kajian khusus terhadap bagaimanakah pengintegrasian seni visual khususnya lukisan dibuat di dalam konteks pengajaran dan pembelajaran topik Perlembagaan Negara melalui kursus Jati Diri Kebangsaan.

Menurut Mohd Shazlan Shahudin dan Khairul Azhar Jamaludin (2024) pula pengintegrasian gaya pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) dan teknologi media baru berpotensi mengatasi masalah persekitaran pembelajaran yang membosankan kepada murid. Malah penggunaan TMK adalah satu strategi berpusatkan murid yang perlu digilap oleh guru dalam melahirkan murid bidang seni visual yang kreatif dan inovatif untuk keperluan masa depan. Pengkaji turut mengakui bahawa penggunaan gambaran grafik secara interaktif melalui paparan multimedia semasa PdP menyebabkan murid mudah mengingat pembelajaran

yang diajar oleh guru, meneguhkan mesej yang ingin disampaikan dan meninggalkan kesan yang mendalam ke atas pembelajaran murid.

Pedagogi aplikasi TMK dalam pembelajaran juga disokong oleh Yusoff & Husain (2020) kerana ia berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif di mana murid melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dan dapat membantu murid yang lemah untuk lebih memahami serta memberi respon yang pantas berkaitan hasil pembelajaran (Kamaluddin & Husnin, 2022). Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru mempelbagaikan pedagogi dalam menyampaikan kandungan pelajaran supaya dapat mengekalkan minat dan motivasi murid melalui teknik dan pendekatan supaya pembelajaran bermakna dapat disampaikan. Tambahan lagi, kajian ini juga mendapati integrasi TMK dalam PSV meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam pengajaran guru serta pengkaryaan artistik murid.

Pengintegrasian seni visual dalam pendidikan telah menjadi topik penting dalam teori pendidikan moden. Ini adalah kerana ia tidak hanya terhad kepada teknik dan penciptaan karya seni, tetapi juga perlu dilihat bagaimana seni dapat digunakan sebagai alat untuk memupuk kemahiran kehidupan. Dalam kajian Nafisah Md Noor, Abdul Halim Husain & Siti Hayati Mohd Yusoff (2020) yang berfokus kepada ekspresi seni visual terhadap karya seni anak-anak gelandangan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), beliau mengatakan seni dapat membantu dalam pembentukan jati diri dan meningkatkan kesedaran sosial. Melalui lukisan dan catan, anak-anak di SBJK dapat meneroka dan memahami diri mereka sendiri. Karya seni tersebut menggambarkan pengalaman visual dan emosi yang mereka alami. Ini sekaligus menjadikannya satu bentuk komunikasi bukan verbal yang membina keyakinan serta kesedaran terhadap pengukuhan nilai diri mereka dalam masyarakat. Selain itu, anak-anak gelandangan perlu dibimbing untuk meluahkan perasaan dengan cara yang betul dan dalam suasana yang positif. Pendekatan aktiviti pengajaran seni yang lebih inklusif sememangnya dapat memberi ruang kepada murid untuk mengekspresikan diri mereka secara bebas. Justeru, kajian ini dilihat membantu penyelidik tentang bagaimanakah pengintegrasian seni visual khususnya lukisan dilakukan dalam pengajaran Perlembagaan negara bagi kursus Jati Diri Kebangsaan.

Di samping itu, pendekatan seni visual dalam pendidikan juga dapat membantu guru dalam memahami ekspresi dan emosi murid terhadap sesuatu pembelajaran terutamanya bagi murid berkeperluan khas (MBK). Dalam kajian Ida Puteri Mahsan (2021) yang bertajuk “Ekspresi Seni dan Komunikasi Visual Terhadap Murid Berkeperluan Khas dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual”, beliau menyimpulkan komunikasi visual dalam karya seni berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan maklumat medium penting bagi MBK untuk meluahkan perasaan dan pemikiran. Komunikasi visual ini boleh wujud dalam karya murid sewaktu guru menjalankan aktiviti seperti menggambar, mewarna, membina objek binaan dan penggunaan tanda atau simbol yang dilukis oleh murid. Aktiviti ini sememangnya memberi peluang kepada murid untuk mengekspresikan diri mereka dalam bentuk seni. Tambahnya lagi, kaedah ini membolehkan guru dan murid meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan merangsang interaksi sosial di dalam bilik darjah apabila murid dan guru membuat perbincangan tentang emosi yang diterjemahkan dalam lukisan. Sebagai contoh, hasil kajian terhadap guru Pendidikan Seni Visual (PSV) dan lima orang murid di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PKKI) menunjukkan bahawa penggunaan warna, garisan, bentuk, komposisi dan teknik seni yang sesuai berupaya merangsang murid MBK dalam mengekspresikan diri mereka dengan lebih baik. Hal ini kerana, setiap karya yang terhasil oleh kanak-kanak membuka rangsangan tindakan artistik dalam pengajaran oleh guru (Ramli & Musa, 2020). Justeru, seni

bukanlah sekadar aktiviti kreatif tetapi juga berperanan sebagai alat komunikasi yang berkesan dalam membentuk modal insan yang lebih kreatif, inovatif dan produktif terutamanya bagi golongan kurang upaya atau murid berkeperluan khas. Namun, seperti kajian-kajian di atas, kajian ini sekali lagi tidak memfokuskan tentang pengaplikasian seni visual dalam topik Perlembagaan Negara melalui kursus Jati Diri Kebangsaan yang menyebabkan penyelidik ingin menjalankan kajian mengenai integrasi seni dalam pengajaran perlembagaan.

Sementara itu, Jati Diri Kebangsaan merangkumi pemahaman dan penghargaan terhadap aspek bahasa, adat, budaya, agama, sejarah, patriotisme, integriti yang membentuk identiti seseorang dalam sesebuah negara. Kajian daripada Siti Hayati (2021) menunjukkan dalam konteks pendidikan seni visual, pelajar Orang Asli di Negeri Perak menggunakan seni sebagai medium bagi mengekspresikan identiti mereka termasuk unsur budaya dan warisan yang mencerminkan jati diri mereka. Selain memupuk kreativiti dan inovasi, seni visual juga membolehkan pelajar memahami dan menghargai warisan budaya mereka. Ini terbukti apabila Orang Asli sering menggunakan motif tradisional dan elemen alam semula jadi dalam karya seni yang mencerminkan hubungan erat mereka dengan budaya dan persekitaran. Bukan itu sahaja, kajian ini juga mendapati bahawa modul pembelajaran seni visual yang dirancang dengan baik berupaya membantu pelajar untuk mencapai kejayaan akademik, mengekspresikan nilai budaya dan adat serta kepercayaan yang berkait dalam kehidupan seharian seterusnya memperkukuhkan jati diri mereka.

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan yang menunjukkan bahawa banyak manfaat yang diperoleh daripada pengintegrasian seni dalam pendidikan merentasi pelbagai bidang pendidikan. Ini adalah kerana, ia melibatkan pelbagai aspek sosio-emosi pelajar dan menggalakan peningkatan terhadap pemahaman pelajar. Namun demikian, kurangnya kajian khusus terhadap bagaimanakah pengintegrasian seni visual khususnya lukisan dibuat di dalam konteks pengajaran dan pembelajaran topik Perlembagaan Negara melalui kursus Jati Diri Kebangsaan. Oleh hal yang demikian, fokus kajian penyelidik adalah untuk mengkaji pengintegrasian seni visual khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Jati diri Kebangsaan. Fokus kajian yang perlu dirujuk adalah bagaimanakah pengintegrasian seni visual iaitu lukisan boleh dilakukan dan memberi impak kepada pembelajaran pelajar. Oleh kerana kekurangan kajian yang menunjukkan cabaran dan potensi pengintegrasian seni visual ini dalam kursus Jati Diri Kebangsaan, penyelidik juga berhasrat untuk mengkaji apakah cabaran dan potensi yang signifikan kepada pembelajaran dan pengajaran oleh pelajar. Justeru, bagi mencapai potensi penuh seni visual dalam kursus Jati Diri Kebangsaan, kajian yang lebih mendalam diperlukan dalam aspek-aspek ini agar pengintegrasian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memberi impak yang lebih besar dalam pembentukan jati diri pelajar.

Metodologi Kajian

Penyelidik menjalankan kajian kualitatif berdasarkan metodologi 'Penyelidikan Berasaskan Seni'. Ia memberi fokus kepada pengintegrasian seni visual dalam pendidikan khususnya lukisan bagi menjawab fokus kajian iaitu bagaimanakah pengintegrasian seni visual di dalam pendidikan boleh dibuat melalui lukisan. Melalui kaedah ini, pelajar akan mengalami pemahaman atau interpretasi yang berbeza bergantung kepada situasi atau keadaan sebenar yang relevan. Ini adalah kerana hasil seni adalah sesuatu yang sukar untuk diukur atau dinilai kerana bersifat subjektif. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mendalami

pengalaman dan persepsi peserta mengenai pengintegrasian seni visual khususnya lukisan dalam pengajaran kursus Jati Diri Kebangsaan. Data juga diperoleh melalui analisis dokumen seperti rancangan pengajaran yang menggunakan seni visual dan bahan-bahan pengajaran yang berkaitan.

Justeru, penyelidik menggunakan pendekatan induktif bagi mengumpulkan data kajian menggunakan persampelan mudah iaitu penyertaan sebanyak 10 orang pelajar sebagai sampel kajian. Penyelidik merujuk kepada kerangka persampelan dan menggunakan kaedah pemerhatian tersembunyi dari jarak jauh dengan interaksi minimum terhadap pelajar tersebut. Seterusnya penyelidik beralih ke peringkat pemerhati sebagai peserta untuk berinteraksi secara ringkas untuk membantu dan menjawab soalan daripada pelajar dan akhir sekali beralih ke fasa peserta sebagai pemerhati pula untuk berinteraksi secara aktif dengan pelajar sambil terus memerhati dan mencatat. Namun begitu, penyelidik telah berinteraksi dengan pelajar untuk memberi maklum balas terhadap soalan yang ditanya oleh pelajar. Akhirnya, dalam fasa peserta sepenuhnya, penyelidik menyertainya sebagai peserta aktif dan penyelidik.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menyediakan temu bual secara terbuka, mencatat maklumat-maklumat dan menganalisis secara pemerhatian terhadap hasil seni yang dihasilkan 10 orang pelajar tersebut untuk mendapatkan data kajian. Temu bual dengan pelajar pula bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mereka mengenai kesan penggunaan seni visual terhadap pemahaman mereka tentang jati diri kebangsaan. Seterusnya, penyelidik menganalisis data tersebut melalui 3 fasa analisis iaitu pembinaan kategori, penamaan kategori, dan penyesuaian teori. Kesemua proses dalam 3 fasa ini bertujuan untuk membantu penyelidik untuk menyesuaikan atau membina teori yang bersesuaian untuk menjelaskan aspek amalan yang terbaik untuk merangka aktiviti pengajaran pada masa hadapan.

Penyelidik juga merekodkan data yang dibuat semasa intervensi melalui temubual fokus kumpulan untuk menjelaskan keberkesanan fokus kajian. Selepas itu, penyelidik luar yang tidak terlibat dengan kajian akan memberi ulasan berkenaan kekuatan dan kelemahan data yang dilaporkan dalam laporan kajian. Ini bertujuan untuk mengesahkan kebolehpercayaan data yang diperolehi.

Semasa menjalankan persampelan ini, penyelidik juga akan mengedarkan borang persetujuan kebenaran rasmi untuk mengumpulkan data, rakaman dan penggunaanya bagi tujuan keselamatan perlindungan data peribadi kerana ia melibatkan pelajar sebagai sampel kajian serta memastikan bahawa prinsip-prinsip etika seperti persetujuan daripada peserta dipatuhi.

Dapatan Kajian

Kajian ini dimulakan dengan pembinaan rancangan pengajaran dan seterusnya pengajaran dilakukan selaras dengan setiap objektif kajian berikut:

Objektif Kajian 1: Strategi Pengintegrasian Seni Visual

Selepas membahagikan data mengikut kategori bagi setiap domain semasa proses integrasi, penyelidik mengenalpasti bahawa terdapat 3 kunci strategi utama yang membuktikan bahawa pengintegrasian seni visual di dalam kelas Jati Diri adalah efektif khususnya, seni lukisan. Strategi yang berkesan ini digunakan sepanjang proses pengintegrasian seperti berikut:

1. 'Milik Saya' untuk mencetuskan pemikiran.
2. Berinteraksi dengan deria.

3. Memberi izin untuk berimajinasi.


Strategi 1: “Milik Saya” Untuk Mencetuskan Pemikiran

Pada mulanya, pelajar diberi arahan untuk melukis imej atau gambar bagi menggambarkan apakah personaliti diri mereka berkaitan dengan topik Perlembagaan Negara dan jati diri melalui tema ‘pokok’ selepas ditayangkan satu imej pokok dan diberi penerangan tentang personaliti diri. Penyelidik menyedari bahawa telah wujud satu kekeliruan melalui maklum balas yang pelajar berikan.

***Pelajar A:** Bagaimanakah saya perlu melukis pokok yang mewakili personality diri saya? Pokok besar atau kecil? Saya tidak pernah tahu adanya pokok yang boleh menjadi simbol personaliti diri saya.*


Walaupun menghadapi cabaran pada permulaan, penyelidik menyedari bahawa pengalaman bersama ini memberi nilai bermakna kerana ia memberi peluang kepada penyelidik untuk mendalami emosi, pemikiran dan perasaan pelajar. Semasa temu bual, pelajar menyatakan bahawa pemahaman tentang tugas ini tetapi mempunyai kesukaran untuk melaksanakannya. Penyelidik percaya bahawa pengalaman bersama ini adalah penting kerana ini menggalakkan penerokaan lanjut. Penyelidik telah mengemukakan soalan tambahan seperti berikut:

- i) Apakah perasaan kamu selepas melihat imej pokok yang diberikan?
- ii) Apakah jenis pokok yang boleh menggambarkan personaliti jati diri kamu?
- iii) Bagaimanakah kamu boleh mengekspresikan personaliti jati diri kamu melalui simbolik imej pokok?



Gambar Rajah 1

Keputusan intervensi adalah pelajar mula terlibat secara aktif dengan penyelidik semasa kajian dijalankan. Berdasarkan Gambar Rajah 1, seorang pelajar menyatakan bahawa imej Pokok Pine yang dilukis adalah lurus dan kuat. Ia sesuai bagi menggambarkan personaliti jati dirinya iaitu seorang yang setia dan ingin berusaha kuat demi negaranya seumpama sifat pokok tersebut yang tumbuh tinggi, lurus ke atas serta mempunyai batang yang kuat.



Gambar Rajah 2

Seterusnya, Gambar Rajah 2 menunjukkan bahawa keputusan intervensi melalui imej 'Pokok Willow' yang dilukis oleh seorang pelajar lain. Pelajar ini memilih 'Pokok Willow' yang banyak tumbuh di negara China bagi menggambarkan personaliti dirinya seperti pokok yang tumbuh besar dan rendang yang mempunyai banyak dahan dan daun yang memayungi ke bawah bumi serta mempunyai jangka hayat yang lama. Pelajar menggambarkan personaliti dirinya sebagai 'abang sulung' seperti pokok ini yang besar dan hidup lebih lama. Pelajar juga menyatakan dirinya seorang yang peramah dan mudah berkawan dengan sesiapa seperti pokok ini yang besar mempunyai dahan dan daun yang boleh menjadi tempat semua orang untuk berteduh. Melalui pemilihan imej "Pokok Willow" ini, pelajar menggambarkan personaliti dirinya sebagai seorang lelaki yang mementingkan keamanan seperti negaranya supaya masyarakat dapat hidup stabil. Pelajar ini juga merasakan dirinya perlu berbuat baik kepada orang lain dan menjadi warganegara yang baik.

Melalui intervensi penyelidikan ini, terdapat perubahan yang ketara di mana para pelajar dapat meneroka lebih mendalam terhadap pemikiran mereka berbanding sekadar melihat imej pokok yang ditayangkan di hadapan semasa awal kelas pembelajaran bermula. Dengan menyelami proses pemikiran dalaman mereka, pelajar diperhatikan dapat melihat perspektif yang berbeza tentang personaliti diri masing-masing dalam imej pokok yang dipilih yang berkaitan dengan topik Perlembagaan Negara.

Strategi 2: Berinteraksi dengan Deria

Penciptaan sesuatu karya seni memerlukan seorang pelukis yang menggunakan elemen seni asas bagi menggambarkan subjek lukisan mereka. Elemen-elemen ini termasuk keseimbangan, bentuk, ruang, cahaya, pergerakan, bentuk, ekspresi, dan dinamik (Arnheim, 1974). Dalam kajian ini, penyelidik membimbing pelajar untuk menggabungkan prinsip dan elemen seni ini, bertujuan untuk memudahkan penciptaan karya seni yang menyentuh emosi dan pengalaman yang diterjemahkan. Setelah pelajar digalakkan untuk mendalami pemikiran mereka, mereka diberikan tugas untuk menterjemahkan pemikiran ini ke atas kertas. Proses ini melibatkan penyampaian pemikiran, emosi, dan idea yang abstrak secara semula jadi bersifat subjektif.



Gambar Rajah 3

Berdasarkan Gambar Rajah 3, ia menjelaskan bahawa warna berinteraksi dengan bentuk, ruang dan cahaya untuk mencipta kesan, suasana dan emosi bagi menambah ketegangan dinamik kepada komposisi karya seni seorang pelajar. Penyelidik memberikan pelajar 30 minit sebagai masa tambahan untuk menghasilkan karya seni mereka dan memberi ruang yang cukup untuk ekspresi individu. Penyelidik melihat ini sebagai situasi aktif dan menarik kerana peserta secara aktif terlibat dalam perbincangan dengan rakan-rakan mereka mengenai pemilihan tema pokok dalam topik Perlembagaan Negara. Perbualan mereka tertumpu kepada pokok yang besar, cantik dan tumbuh banyak di sekitar. Mereka juga berbual mengenai elemen warna yang boleh dimasukkan dalam imej pokok mereka. Masa tambahan 30 minit yang diberi untuk menghasilkan imej pokok yang lebih menarik iaitu dengan menggunakan elemen warna yang ceria. Pelajar telah mewarnakan lukisan tersebut dengan pelbagai warna ceria seperti hijau, kuning dan biru bagi mengekspresikan emosi dan pemikirannya. Pemilihan 'Pokok Teh' sebagai simbol personaliti jati dirinya iaitu seorang yang tenang, baik hati dan sederhana. Ini adalah kerana sifat daun teh yang menjadi air teh untuk memberi kelegaan kepada seseorang yang meminumnya. Sifat pokok teh juga yang tumbuh rendah dan menjadi lanskap pagar menjadi kegemaran ramai menggambarkan dirinya yang baik hati dan menenangkan kepada orang lain.


Strategi 3: Memberi Izin Untuk Berimajinasi

Menurut Yenawine (2014), ia membincangkan konsep 'memberi keizinan untuk berimajinasi' kepada pelajar seperti yang digariskan dalam Visual Thinking Strategies (VTS). Ia menekankan pendekatan berpusatkan pelajar untuk meneroka karya seni, menggalakkan pelajar untuk memerhati secara kritis, terlibat dalam perbincangan mengenai tafsiran mereka, mendalami pemahaman dan menyokong idea dengan bukti. Pada masa yang sama, ia juga membina persekitaran di mana pelajar boleh mendengar dan menghormati pandangan yang berbeza.

Dalam kajian ini, penyelidik memainkan peranan penting dalam memudahkan perbincangan ini dengan mewujudkan ruang yang selamat untuk pelajar meneroka tafsiran baru dan pelbagai tentang karya seni. Semasa proses pengajaran, pelajar diarahkan untuk memerhati dengan

senyap lukisan yang dihasilkan oleh rakan mereka supaya suasana yang reflektif dapat diwujudkan.

Pada fasa pemerhatian dan pemikiran senyap ini, penyelidik memberi masa kepada pelajar untuk berfikir sebelum menggalakkan mereka untuk bercakap. Melalui sesi ini, ia dapat merangsang perasaan ingin tahu yang mendalam berkenaan personaliti yang ada dalam diri mereka yang dapat dikaitkan dengan Perlembagaan Negara dan jati diri terhadap negara. Ia juga membolehkan pelajar terlibat dalam pemikiran aktif dan memperoleh makna daripada situasi yang kompleks. Sesi penerokaan visual ini menggalakkan kemahiran pemerhatian dan penyelidikan kritikal terhadap makna atau mesej subjek tersebut. Selepas aktiviti penghasilan lukisan, pelajar diberi masa selama 10 minit untuk melihat hasil lukisan mereka yang dipaparkan di dinding ‘gallery walk’.



Gambar Rajah 4

Berdasarkan Gambar Rajah 4, salah seorang pelajar telah melukis imej ‘lubang’ pada batang pokok ‘Ficus Microcarpa’ tersebut bagi menggambarkan dirinya yang mempunyai kelemahan diri walaupun merasakan diri adalah kuat dan besar seperti batang pokok tersebut. Terdapat tiga orang pelajar yang kembali semula kepada lukisan mereka dan menambahkan elemen tambahan pada lukisan mereka. Penyelidik bertanya kepada pelajar tersebut dan mereka menjelaskan bahawa mereka telah mendapat idea baru mengenai imej pokok tersebut yang mewakili personaliti jati diri dan menggambarkan kekuatan Perlembagaan Negara bagi sesebuah negara. Pelajar-pelajar ini mula membincangkan tema-tema pokok yang mempunyai sifat seperti berakar panjang dan besar bagi menggambarkan personaliti jati diri yang kukuh dan keras.

Objektif Kajian 2: Emosi dan Kefahaman Mengintegrasikan Seni Visual

Setelah menganalisis data, penyelidik mengesahkan bahawa integrasi seni visual secara efektif mengukuhkan pemahaman terdahulu melalui imej mental dan rangsangan deria.


Keberkesanan 1: Mengesahkan Emosi Terdahulu Melalui Imej Mental

Melalui kajian ini, terdapat salah satu penemuan menarik berkenaan kebolehan pelajar untuk mencipta imej mental dan simbol. Pada awalnya, peserta melaporkan bahawa mereka sedikit berclaru dan emosi tidak tenang untuk memahami imej yang ditayangkan oleh penyelidik pada awal sesi pembelajaran tersebut dan proses integrasi seni lukisan ini telah meningkatkan

pemahaman mereka berkenaan topik Perlembagaan Negara dan personaliti jati diri. Salah seorang pelajar telah menyatakan seperti berikut:

Pelajar B: *Ya, apabila saya melihat lukisan pokok tersebut, saya lebih memahami pemikiran saya terhadap ciri-ciri personaliti diri yang berkaitan dengan Perlembagaan Negara dan kaitannya dengan jati diri terhadap negara.*

Petikan temu bual ini menekankan bagaimana pelajar telah membentuk idea tema pokok yang menggambarkan personaliti jati diri dalam keadaan tidak tenang dan sedikit beremosi selepas kali pertama melihat imej pokok yang ditayangkan oleh penyelidik di awal sesi pembelajaran. Apabila pelajar mula terlibat dengan proses pemilihan dan melukis jenis pokok tersebut, mereka menjadi lebih tenang dan fokus kerana berasa seronok sehingga membolehkan mereka mengukuhkan imej mental seterusnya meningkatkan pemahaman mereka tentang topik yang dipelajari melalui representasi visual.



Gambar Rajah 5

Berdasarkan Gambar Rajah 5, seorang pelajar menggambarkan dirinya yang mempunyai personaliti diri sebagai fleksibel dan boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi, mempunyai tahap ketahanan diri yang tinggi, seorang yang tenang dan sensitif. Ia digambarkan dengan lukisan 'Pokok Willow' yang mempunyai ketahanan hidup yang tinggi walaupun ditiup angin kuat meskipun mempunyai fizikal berdaun kecil. Sifat pokok ini yang tenang tetapi bertenaga tetapi mempunyai ciri-ciri sensitif terhadap persekitaran. Pemilihan pokok ini sebagai simbol perkaitan bahawa Perlembagaan Negara yang merangkumi semua aspek pentadbiran negara yang penting bagi menjadikan sesebuah negara kuat dan mampu bertahan lama. Melalui sesi penghasilan lukisan ini, dua pelajar telah berkongsi semasa temu bual berikut:

Pelajar C: *Saya rasa dengan melukis, kita dapat memahami bahawa seni visual lukisan dan emosi ini saling berkait rapat kerana semasa melukis saya rasa seronok dan tenang.*

Pelajar D: *Saya dapat memikirkan ciri-ciri personaliti diri yang tidak pernah saya sedar selama ini wujud dalam diri saya. Pada mulanya, saya rasa tidak seronok dan pemikiran saya bercelaru kerana tidak dapat kenal ciri-ciri diri tetapi apabila mula melukis, saya rasa tenang dan seronok kerana dapat*


melukis mengikut apa yang saya fikir dan rasai. Personaliti diri ini wujud dan saya dapat fikirkan dalam keadaan tenang kaitannya dengan kesetiaan kepada negara.

Keberkesanan 2: Mencetuskan Kefahaman

Penyelidik memerhatikan bahawa pelajar mendalami topik personaliti jati diri melalui integrasi seni visual khususnya seni lukisan. Seorang pelajar menyatakan bahawa seni lukisan membolehkannya mengekspresikan karakteristik dirinya secara nyata ke dalam bentuk lukisan pokok sekaligus mengukuhkan pemahamannya terhadap topik yang dipelajari.

Pelajar E: *Melukis imej pokok dengan menambah elemen warna dan bentuk abstrak berkaitan dengan personaliti jati diri dapat membantu saya memahami personaliti diri dengan lebih baik.*

Pelajar F: *Bahagian yang paling menarik bagi saya adalah proses melukis kerana saya boleh tenggelam dalam pemikiran kerana berfikir untuk mengenali personaliti diri. Memikirkan personaliti diri dalam pemikiran saya mungkin kelihatan abstrak dan kabur, tetapi apabila melukis imej lukisan pokok ini saya seolah-olah lebih kenal diri saya.*



Gambar Rajah 6

Berdasarkan Gambar Rajah 6, pelajar telah melukis imej Pokok Plum yang digambarkan sebagai sebuah pokok mempunyai batang yang keras walaupun tidak tumbuh besar, mempunyai daun-daun yang kecil dan mempunyai jangka hayat tumbuh lebih lama serta mempunyai buah plum yang dapat dimakan oleh manusia. Umum mengetahui bahawa buah plum menjadi kegemaran untuk di makan kerana rasanya yang manis dan masam. Pelajar menggambarkan dirinya seperti Pokok Plum dengan personaliti jiwa yang kuat dan dapat memberikan ketenangan kepada rakan-rakan melalui kebaikan dirinya dan sebagai warganegara yang mempunyai sifat menyumbang kepada negara melalui kebaikan kepada masyarakat sekitarnya dan mementingkan keamanan negara seperti yang dianjurkan dalam Perlembagaan Negara.

Objektif Kajian 3: Cabaran Pengintegrasian Seni Visual


Pelajar menyatakan bahawa bagaimana proses integrasi seni lukisan membolehkan mereka mengenali dan memahami lebih mendalam dengan personaliti diri. Sebagai contoh, seorang pelajar pada mulanya menghadapi kesukaran untuk mengenal personaliti diri hanya melalui pemikiran dan imaginasi. Walau bagaimanapun, melalui aktiviti melukis, pelajar ini dapat lebih

mendalami personaliti diri yang wujud apabila melukis imej pokok yang mempunyai kaitan dengan diri sendiri. Justeru, pelajar dapat mengenali diri dan meningkatkan kefahaman topik jati diri.

Pelajar G: Pada mulanya, saya rasa susah fikir personaliti diri sebab saya tidak pernah fikirkannya sebelum ini. Tetapi, apabila saya melihat imej pokok yang ditayangkan pada awal kelas, saya dapat idea baru.


Pelajar H: Saya tidak minat melukis tetapi apabila diminta memilih satu jenis pokok dan melukis mengikut personaliti, saya rasa seronok. Saya mahu melukis lagi pada kelas yang akan datang kerana saya lebih seronok belajar jika ada aktiviti melukis.

Melalui penerokaan deria mereka secara nyata, proses melukis membolehkan peserta untuk mengatasi cabaran terhadap imaginasi mereka yang sukar untuk menggambarkan personaliti diri yang difikirkan. Cabaran untuk menghasilkan lukisan pokok ini dapat diatasi apabila pelajar diberi tempoh masa yang mencukupi iaitu 30 minit untuk menyiapkan lukisan tersebut. Proses berfikir dan melukis dengan tempoh masa yang mencukupi ini membolehkan pelajar mengatasi cabaran dan ingin meneruskan aktiviti seumpama ini pada masa hadapan.




Gambar Rajah 7

Berdasarkan Gambar Rajah 7, pada mulanya pelajar ini hanya melukis imej sebatang 'Pokok Ficus' kerana pelajar tidak minat melukis. Namun begitu, apabila penyelidik memberi tempoh masa 30 minit untuk aktiviti melukis, pelajar telah meneruskan aktiviti dengan melukis imej pokok yang mempunyai pohon yang rimbun dan disertai dengan keterangan lebih mendalam. Pelajar melukis dan menulis ciri-ciri pokok yang mempunyai ketinggian 20 hingga 30-meter dan mempunyai diameter batang 2 meter. Pelajar menyatakan bahawa pokok ini tumbuh besar dan merendang seperti payung yang besar memayungi alam dan memerlukan persekitaran yang panas dan kering untuk jangka hayat hidup yang lama. Apabila pelajar melukis lukisan ini, pelajar mengaitkan tempat asal dirinya iaitu daerah Fuzhou, China di mana pokok ini tumbuh dengan banyak. Pada mulanya pelajar rasa sukar untuk memilih pokok apa yang sesuai dengan personaliti diri, namun pelajar dapat mengaitkan dirinya dengan tempat asalnya. Idea pelajar ini terus berkembang dan seronok untuk meneruskan aktiviti melukis. Keseronokan ini telah merangsang pelajar untuk mengenal personaliti dirinya yang berkaitan dengan negara.



Gambar Rajah 8



Gambar Rajah 9

Kedua-dua gambar rajah 8 dan 9 menunjukkan sebuah Pokok White Pollar dan Pokok Maple. Hasil temu bual bersama dua pelajar, pemilihan pokok ini dibuat selepas pelajar ini berfikir lama. Pelajar menyatakan kesukaran untuk membuat pilihan pokok bagi menggambarkan personaliti dirinya kerana aktiviti seumpama ini tidak pernah dilakukan sebelum ini. Pelajar merasakan bahawa dia tidak menyedari kewujudan personaliti dalam dirinya apatah lagi mengaitkannya dengan elemen Perlembagaan Negara dan jati diri kebangsaan. Namun demikian, selepas dirangsang dan digalakkan oleh penyelidik, pelajar ini dapat memikirkan Pokok White Polar dan Pokok Maple sebagai pokok yang mempunyai elemen personaliti mereka. Walaupun lukisan pokok yang dilukis agak ringkas, tetapi pelajar berusaha untuk melukisnya dan berjaya menulis personaliti dirinya. Ini menunjukkan wujudnya cabaran atau kesukaran pada awal sesi penghasilan seni lukisan ini tetapi akhirnya pelajar berjaya mengatasi cabaran tersebut. Hasil temubual bersama pelajar adalah seperti berikut:

Pelajar I: Pada mulanya, saya tidak pasti mahu melukis pokok apa yang sesuai. Saya tidak pernah tahu pokok boleh dikaitkan dengan diri saya. Tapi apabila berfikir mendalam, saya terbayang satu pokok yang pernah saya lihat dahulu. Pokok tersebut mempunyai rupa yang boleh dikaitkan dengan diri

saya. Selepas itu, baru saya boleh melukis lukisan pokok ini.

Pelajar J: *Saya memang berfikir lama untuk memilih jenis pokok yang sesuai sebab saya tidak pernah buat aktiviti melukis pokok. Tetapi, saya cuba untuk melukis pokok yang sesuai walaupun lukisan saya tidak cantik, saya tetap seronok melukis hari ini.*

Perbincangan Hasil Kajian

Berdasarkan kajian ini, ianya jelas bahawa penggabungan seni visual khususnya seni lukisan dalam pembelajaran memberikan kesan positif seterusnya memanfaatkan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Telfer Radzat dan Brouillette (2021), pengintegrasian seni visual dengan imej dan imaginasi akan menggalakkan seseorang untuk menghasilkan imej-imej seni sebagai idea yang kekal. Data kajian ini menunjukkan bahawa kekurangan arahan yang jelas daripada penyelidik pada awal kelas pembelajaran boleh mendedahkan pelajar terhadap pandangan yang mendalam mengenai kesan pengintegrasian seni lukisan dalam kelas pembelajaran.

Melalui pemerhatian penyelidik terhadap tindak balas pelajar, penyelidik mendapati bahawa pelajar telah mampu untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang topik Perlembagaan Negara dan personaliti jati diri melalui seni lukisan. Namun begitu, hanya terdapat cabaran bagaimana pelajar dapat mengenalpasti pemilihan tema pokok, berimaginasi mengenai imej pokok serta mendalami personaliti yang wujud dalam diri.

Van Duinen dan Mawdsley Sherwood (2019) mencadangkan bahawa mengajar sastera melalui seni visual melibatkan penandaan pola teks dan mempersoalkan pola yang dikenalpasti. Ia mendorong pelajar untuk mengekspresikan bahasa kiasan. Seterusnya, pelajar menganalisis karya seni untuk mengubah perspektif dan meneroka bagaimana bentuk, subjek, dan bahan menyumbang kepada makna imej tersebut.

Telfer-Radzat dan Brouillette (2021) berpendapat bahawa penekanan terhadap penggabungan seni visual telah menggalakkan pelajar untuk membina penceritaan yang disokong oleh hasil seni lukisan. Proses menghasilkan seni lukisan ini mempengaruhi sikap dan tingkah laku pelajar terhadap topik, merangsang hubungan antara persepsi deria dan pusat bahasa di otak. Manakala menurut Mayer (2020), terdapat hubungkait antara perkataan dan imej yang merangsang pembelajaran apabila pelajar boleh menghasilkan karya seni lukisan yang boleh difahami daripada bahan atau hasil seni yang dibentangkan. Justeru, pelajar berperanan aktif dalam sesi aktiviti melukis tersebut untuk meningkatkan pemahaman terhadap topik personaliti jati diri.

Berdasarkan Prinsip Kontiguiti Temporal, pembelajaran pelajar akan ditingkatkan apabila perkataan dan imej yang sepadan dipersembahkan secara serentak. (Shigang Ge et al, 2022). Pelajar akan lebih mudah memahami dan mengingat maklumat apabila perkataan dan imej yang berkaitan ditunjukkan pada masa yang sama. Ini kerana hubungan antara kedua-duanya membantu pelajar membina gambaran pemikiran yang lebih jelas dan memudahkan pemahaman mereka terhadap bahan yang dipelajari. Hasil kajian ini mendapati bahawa setiap lukisan pokok yang dilukis oleh pelajar disertai dengan perkataan-perkataan bagi mewakili personaliti diri mereka dan kaitannya dengan jati diri negara. Apabila para pelajar terlibat aktif dalam prosen penghasilan karya seni beserta elemen-elemennya, ia membolehkan mereka menggunakan kemahiran kognitif untuk menggambarkan pemikiran mereka secara visual.

Semasa fasa pengumpulan data berdasarkan tema pokok, pelajar diminta untuk memilih jenis dan karakteristik pokok untuk mewakili personaliti diri yang berkaitan dengan jati diri negara, yang menggalakkan pelajar untuk menggunakan bentuk pokok sebagai simbol representasi diri. Pelajar berjaya mengalihkan pemikiran mereka ke dalam bentuk karya seni lukisan melalui penekanan keseimbangan dan bentuk.

Selain itu, penggunaan cahaya melalui pelbagai warna dan kepekatan membolehkan pelukis untuk menyuntikkan karya seni dengan pelbagai sifat emosi dan suasana seterusnya menguatkan idea bahawa pelajar boleh menggunakan kedua-dua medium verbal dan visual serentak untuk meningkatkan pembelajaran. Schraw dan Richmond (2022) menyatakan bahawa pelajar adalah mampu untuk menyampaikan pemikiran dan idea mereka melalui grafik iaitu dengan menggunakan pemikiran metafora dan visualisasi untuk menyampaikan mesej secara simbolik. Proses visualisasi pemikiran ini menggalakkan pelajar untuk membina persekitaran pembelajaran mereka secara bebas dan menggalakkan penyertaan aktif dan refleksi tanpa kawalan berterusan penyelidik sepenuhnya.

Oleh itu, disimpulkan bahawa tahap pembelajaran pelajar akan meningkat apabila mereka terlibat dalam proses kognitif untuk membentuk representasi pemikiran yang koheren tentang pengalaman pembelajaran mereka dengan menganalisis maklumat melalui maklumat dan imej yang relevan, menyusunnya ke dalam struktur kognitif, dan mengintegrasikannya dengan pengetahuan terdahulu (Mayer, 2020).

Pemerhatian dalam kajian ini juga mendapati bahawa tahap penglibatan aktif pelajar, perbincangan kritikal tentang pemahaman mereka dan maklum balas emosi terhadap aktiviti seni lukisan adalah tinggi. Tambahan pula, pelajar telah melakukan penyelidikan sendiri untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap topik jati diri dan berkongsi pengetahuan baru. Penglibatan ini juga meningkatkan motivasi dan keterlibatan dalam kalangan peserta yang lebih pendiam semasa sesi penghasilan karya seni lukisan seterusnya memudahkan perbincangan terbuka mengenai karya seni mereka dan meningkatkan peluang pembelajaran.

Semasa temu bual, beberapa orang pelajar memberi maklum balas berkenaan kesan positif pengintegrasian seni visual dalam pembelajaran manakala terdapat juga beberapa orang pelajar teragak-agak apabila mempertimbangkan sama ada integrasi seni visual benar-benar menyokong pembelajaran mereka. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Salleh et al (2023), yang mencadangkan bahawa penggunaan aplikasi ApSeL dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) dilihat mampu membantu guru menyampaikan isi pelajaran dengan lebih interaktif dan menarik minat pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Oleh itu, seni visual dalam pendidikan bertujuan bukan untuk menilai prestasi tetapi untuk meningkatkan pemahaman dan pengalaman pembelajaran di kalangan pelajar.

Van Duinen dan Mawdsley Sherwood (2019) berpendapat bahawa pembelajaran tentang kesusasteraan melalui seni visual memerlukan banyak sesi pemikiran, penyelidikan, dan amalan untuk mengukuhkan pemahaman tentang aspek budaya, sejarah, dan sosial dalam karya-karya sastera. Menurut kajian Zhang (2022), integrasi seni visual meningkatkan kemahiran sosial-emosi, strategi komunikasi, dan kesedaran budaya semasa aktiviti pendidikan. Justeru, adalah penting untuk mengiktiraf respons dan pengalaman pelajar semasa menggunakan seni visual sebagai medium dalam meneroka pembelajaran. Pendekatan ini menyokong kenyataan Becker (2020) bahawa integrasi seni visual berfungsi sebagai

pendekatan alternatif di mana pelajar membina dan menunjukkan pemahaman melalui ekspresi seni, meningkatkan hubungan antara disiplin dan mempromosikan hasil sosial serta akademik. Selain itu, integrasi seni visual memupuk persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif, melebihi kaedah akademik konvensional yang tertumpu pada pencapaian akademik semata-mata.

Kesimpulan

Para pendidik disarankan untuk mempelbagaikan kaedah pedagogi dalam pengajaran bersesuaian dengan tahap perkembangan dan kemampuan pelajar. Pendidikan Jati Diri Kebangsaan bukan sahaja berkisar mengenai penceritaan kenegaraan namun ia perlu disertai dengan elemen-elemen personaliti diri sebagai asas pemangkin jati diri kebangsaan. Justeru, cabaran tetap ada untuk menyediakan satu platform dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian. Justeru, pengintegrasian seni visual khususnya seni lukisan dalam pengajaran kursus Jati Diri adalah salah satu alternatif yang berkesan untuk digunakan dalam pembelajaran.

Namun, cabaran tetap ada mengenai masa yang diperlukan dan persediaan pendidik untuk integrasi seni visual dalam pengajaran kursus Jati Diri. Keperluan untuk latihan dan sumber yang lebih baik perlu diberi perhatian bagi memanfaatkan seni visual dengan berkesan dalam amalan pengajaran mereka. Penyelidikan masa depan boleh memfokuskan pada kajian kuantitatif untuk mengesahkan kesan integrasi seni visual khususnya seni lukisan terhadap hasil pembelajaran di dalam kelas.

Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada tahap peningkatan pengajaran kursus Jati Diri Kebangsaan dengan memberi sinar baru mengenai bagaimanakah pengintegrasian seni visual khususnya lukisan dapat memperkukuhkan pemahaman pelajar terhadap kursus ini. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi panduan dan potensi kepada pendidik dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang lebih kreatif dan berkesan menggunakan seni visual khususnya lukisan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Penghargaan

Kajian ini telah dihasilkan dengan kerjasama para akademik dan para pelajar daripada Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penghargaan juga diberikan kepada Pusat PERMATA@Pintar Negara dan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah mengizinkan kajian ini dihasilkan dengan menggunakan Geran Penyelidikan GENIUSPINTAR-2022-024.

Rujukan

- Arnheim, R. (1974). *Art and visual perception: A psychology of the visual eye*. University of California Press.
- Becker, P. A. (2020). Teaching language and literacy through the visual arts: An interdisciplinary, literature-based approach. *Teaching Exceptional Children*, 52(3), 166–179.
- Buruntong, B., & Kindoyop, S. (2024). Kesan integrasi seni visual dalam STEAM terhadap kemahiran berfikir aras tinggi murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 22–35. Retrieved from <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.3.2024>

- Hasin, I., Othman, R., Abdullah, N. S., Yusoff, K. M., & Ab Rahman, M. R. (2022). Issue and challenge on national transformation of digital learning in post-Covid-19: Isu dan cabaran pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23–32.
- Ida Puteri Mahsan. (2021). Ekspresi seni dan komunikasi visual murid berkeperluan khas dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(1), 41–54. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Mayer, R. E. (2020). *Multimedia learning* (3rd ed.). Cambridge University Press.
- Mohd Jamel Ismail, Sarbani, M., Nasir, Z., Abdul Rahim, M. T., Jonid, J., & Saiman, I. (2017). *Seni dalam pendidikan*. Pelangi Sdn. Bhd.
- Mohd Shazlan Shahudin, & Khairul Azhar Jamaludin. (2024). Kepentingan dan cabaran pelaksanaan kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah rendah menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1), 133–147. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Nafishah, M. N., Abdul, H. H., & Siti Hayati, M. Y. (2019). Ekspresi karya seni visual murid di sekolah bimbingan jalinan kasih. *Jurnal IPDA*, 26(1). Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8207>
- Poonam Srivastava. (2023). Art integrated learning: An innovative and inclusive approach to education. *International Education and Research Journal*, 9(7). Retrieved from https://digitalcommons.kennesaw.edu/educleaddoc_etd/10
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020). Eklporasi seni visual melalui aktiviti lakaran asas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 35–47. Retrieved from <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.4.2020>
- Salleh, M., Khairani, M. Z., & Mohd Rafee, Y. (2023). Analisis keperluan terhadap pembangunan aplikasi seni lukisan (ApSeL) dalam pengajaran pendidikan seni visual di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2). Retrieved from <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2136>
- Schraw, G., & Richmond, A. S. (2022). Using visual displays to improve classroom thinking. *Educational Research: Theory and Practice*, 33(2), 80–102.
- Shigang, G., Chin, H. L., & Baharudin, S. M. (2022). The effect of multimedia and temporal contiguity principles on students' attitude and retention in learning Japanese language. *International Journal of Chinese Education*, 1–13. Retrieved from <https://doi.org/10.1177/2212585X221099964>
- Siti Hawa Mohd Nawawi, & Faridah Salam. (2020). Integrasi seni visual dan seni muzik dalam kelas pendidikan awal kanak-kanak. In *Proceedings of International Conference on the Future of Education (IConFed) 2020* (pp. xx–xx). Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus, Penang, Malaysia.
- Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff. (2021). Pendidikan Seni Visual: Konteks sikap dan kepercayaan di kalangan pelajar Orang Asli di Negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 13, 24–41. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/12209>
- Syaidatun Nadzirah Abu Zahrin, Kamilah Wati Mohd, & Naimatulapidah Andul Majid. (2024). Kecintaan kepada tanah air dalam penghayatan jati diri nasional dan patriotisme. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 25, 101–115. Retrieved from <https://doi.org/10.17576/malim-2024-2501-10>

- Telfer-Radzat, K., & Brouillette, L. (2021). Arts-embedded education: Experiential learning in a Waldorf first-grade classroom. *Journal for Learning through the Arts*, 17(1). Retrieved from <https://doi.org/10.21977/D917157963>
- Van Duinen, D. V., & Mawdsley Sherwood, B. (2019). Co-equal arts integration: Lessons learned in using visual arts to respond to literature. *Art Education*, 72(3), 20–27.
- Yusoff, S. H. M., & Husain, A. H. (2020). Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan seni visual ke arah pembelajaran bermakna. *Jurnal IPDA*, 26(1), 92–103.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang, & Chew Fong Peng. (2017). Pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan universiti awam. *Jurnal Personalia Pelajar*.
- Zhang, Y., & Jia, S. (2022). A study on the effects of language and visual art integrated teaching on language learning performance and satisfaction of ethnic minority students in China. *Frontiers in Psychology*, 13, 1048635. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1048635>